

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS SETIA BERSAMA RTM
DI HOTEL SHANGRI-LA KUALA LUMPUR
5 JUN 1999

Alhamdulillah, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diundang ke majlis "Setia Bersama RTM" pada malam ini yang diadakan bersempena dengan sambutan hari ulang tahun RTM ke 53, tahun ini.

2. Kita semua bersyukur, kerana majlis ini dapat dianjurkan dalam suasana harmoni dan keadaan ekonomi negara yang terus semakin pulih. Suasana ini dapat kita nikmati bersama secara tidak langsung adalah juga hasil daripada sumbangan dan peranan saudara- saudari dalam mempertahankan dasar-dasar kerajaan melalui media elektronik, TV dan Radio.

3. Atas peranan yang turut dimainkan oleh RTM dan stesen-stesen TV dan radio yang lain serta akhbar- akhbar, rakyat telah dapat dimaklumkan dengan perkembangan semasa mengenai usaha-usaha kerajaan dalam memulihkan ekonomi negara. Dalam tempoh kegawatan ditempuhi, rakyat juga telah dapat bersabar dan bersama-sama kerajaan menghadapi tekanan- tekanan baik dari dalam mahupun luar yang sentiasa mencari ruang menggugat kestabilan sosio- ekonomi negara.

4. Alhamdulillah, kini kita telah berada kembali di atas landasan perancangan ekonomi kita yang merupakan berkat daripada kesabaran dan tindakan yang berani lagi tegas yang diambil oleh pucuk pimpinan negara di bawah pimpinan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Sesungguhnya selain kita merancang, satu elemen yang penting dalam menyokong dan menjayakan langkah-langkah pemulihan ekonomi negara ialah semangat kesetiaan yang telah ditunjukkan oleh rakyat kepada kerajaan.

5. Bagi jabatan penyiaran, semangat setia ini jugalah yang membolehkan saudara-saudari terus bersama RTM dan pada malam ini kesetiaan saudara-saudari diberi penghargaan. Sesungguhnya usaha jabatan penyiaran malaysia mengadakan majlis ini terutama untuk meraikan mereka yang telah berkhidmat selama 25 tahun ke atas, merupakan usaha murni yang dibanggakan. Adalah tidak dapat dinafikan kesetiaan anggota petugas jabatan ini telah banyak membantu menjayakan dasar-dasar pembangunan negara melalui rancangan-rancangan yang disiarkan.

6. Kita semua sedar sepanjang tempoh berkhidmat dengan sesebuah jabatan kerajaan seperti di RTM ini, kesetiaan yang tidak berbelah bahagi menjadi dorongan untuk mencapai tahap kepuasan kerja serta meningkatkan kualiti hasil kerja. Seiring dengan bertambahnya usaha RTM itu sendiri, pengalaman setiap anggota petugas akan menjadi bekalan menghadapi alaf baru yang lebih mencabar dalam mengharungi arus perdana perkembangan Teknologi Maklumat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Bidang penyiaran adalah juga berkaitan dengan Teknologi Maklumat dan Teknologi Multimedia. Oleh kerana itu peranan saudara-saudari bukan sahaja untuk

meningkatkan prestasi dalam bidang tugas sedia ada, tetapi sebagai anggota perkhidmatan awam, saudara- saudari juga hendaklah terus melengkapkan diri dengan pengetahuan mengenai Teknologi Maklumat.

8. Ini kerana salah satu agenda utama dalam aplikasi perdana koridor raya multimedia ialah mewujudkan pentadbiran kerajaan elektronik. Buat masa ini kerajaan sedang giat melengkapkan program kerajaan elektronik termasuklah dengan mewujudkan sistem maklumat kerajaan berasaskan kemudahan internet. Ini dilakukan dengan membangunkan laman dan pangkalan data di setiap jabatan yang dihubungkan dengan civil service link gateway system. Sistem ini meningkatkan kualiti pengurusan maklumat yang memberi faedah kepada kerajaan dan pelanggan serta mempercepatkan matlamat kerajaan elektronik.

9. Oleh kerana perkembangan teknologi maklumat begitu pantas, peranan saudara-saudari bukan sahaja menjadi saluran kempen menyedarkan rakyat betapa pentingnya teknologi maklumat dalam menghadapi alaf baru, tetapi juga berperanan membudayakan Teknologi Maklumat dalam kehidupan harian untuk masa-masa akan datang. Ini selaras dengan hasrat matlamat wawasan 2020 negara untuk melahirkan masyarakat bermaklumat dan berteknologi tinggi.

10. Sehubungan itulah koridor raya multimedia menjadi agenda utama yang akan merangsang kemajuan negara dalam bidang Teknologi Maklumat dan bersaing di peringkat antarabangsa. Kewujudan Koridor Raya Multimedia ini merupakan strategi yang mencerminkan kebijaksanaan dan kewibawaan pucuk pimpinan negara kita yang berpandangan jauh dengan wawasannya.

11. Kejayaan Koridor Raya Multimedia ini bukan sahaja bergantung kepada penyertaan syarikat-syarikat asing yang tekenal di peringkat antarabangsa tetapi juga perlu kepada penglibatan rakyat Malaysia sendiri. Ini termasuklah peranan yang boleh dimainkan oleh pihak media elektronik seperti RTM ini. Caranya, antara lain dengan menyakinkan rakyat akan daya maju dan potensi besar projek koridor raya multimedia ini dan mengapa mereka perlu terlibat secara langsung dan tidak langsung menjayakan projek ini.

12. Ini kerana sekiranya rakyat tidak mendapat penjelasan dan maklumat sebenar tentang projek ini maka ini turut memberi kesan kepada pelancarannya. Sebagai contoh, sekiranya ibu bapa tidak menggalakkan anak-anak mereka agar berminat dengan pengetahuan teknologi maklumat, maka ini akan menyebabkan lahirnya generasi yang ketinggalan dalam penggunaan kaedah-kaedah baru Teknologi Maklumat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Memandangkan peranan media elektronik ini amat penting dalam pembangunan dan mencorakkan masa depan negara, saya berharap kesetiaan yang telah ditunjukkan oleh saudara-saudari selama ini akan terus berkekalan malah dipertingkatkan lagi. Ini kerana peranan kita semua bukan setakat terlaksananya sesuatu perancangan, tetapi jauh dari itu untuk menyediakan arah tuju yang lebih mantap dan terjamin untuk generasi kita akan datang bagi menghadapi era globalisasi atau dunia tanpa sempadan yang lebih mencabar lagi.

14. Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada RTM dan kementerian penerangan kerana menjemput saya ke majlis pada malam ini dan saya juga mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan penghargaan kepada mereka yang diraikan atas sumbangan dan kesetiaan yang telah ditunjukkan selama ini. Semoga sikap proaktif dan kreatif saudara- saudari akan menjadikan RTM sebagai sebuah organisasi penyiaran yang dihormati dan disegani.

Terima kasih